© Association of Researcher of Skills and Vocational Training, Malaysia

ASIAN PENDIDIKAN
ISSN: 2735-2331, e-ISSN: 2805-4350
DOI: https://doi.org/10.53797/aspen.v4i1.6.2024

Penguasaan Penggunaan Peribahasa dalam Karangan Bahasa Melayu Tingkatan Satu di Sekolah Menengah Kebangsaan Rompin Permai

(Mastery of the Use of Proverbs in Form One Malay Language Essays at Rompin Permai National Secondary School)

Roslan, Nor Hidayah[1], Yusof, Abdullah[1*], Sarudin, Anida[1] & Ismail, Mohd Sufian[2]

[1]Fakuti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

[2]Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, 31150 Tanjung Rambutan, Perak, MALAYSIA

*Corresponding author: abdullah@fbk.upsi.edu.my

Received 29 May 2024; Accepted 28 June 2024; Available online 28 June 2024

Abstract: This study was conducted to identify the use of proverbs according to their types in the essays of Form One students at Rompin Permai National Secondary School and to analyze the problems faced by Form One students in mastering proverbs. This study was conducted through a qualitative approach, which is by analyzing documents. The researcher also developed a questionnaire and an interview session to obtain additional data. The questionnaire used is in the form of Google Forms for the use of respondents. This study involved 45 first grade students and a Malay language teacher from SMK Rompin Permai who were randomly selected. The findings of the study were analyzed based on the types of proverbs and connections using the Relevant Theory. The results of the study show the low use of proverbs in the essays of first grade students. However, the students' level of understanding in giving the meaning of proverbs is satisfactory. However, there are some sentences built using proverbs that have errors in terms of syntax and are not grammatical. Accordingly, the Relevant Theory used in the analysis consists of three main ideas, namely context, context effects and processing efforts. The results of the study show that psychological factors, physical environment, assumptions and personal experiences are the main factors for students in responding to the meanings of the proverb. The implication is that this study can unravel the problems faced by students in mastering proverbs in addition to giving teachers the opportunity to make improvements in teaching and learning sessions.

Keywords: Proverbs, mastery, essay writing, problem

Abstrak: Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti penggunaan peribahasa mengikut jenis-jenisnya dalam karangan murid Tingkatan Satu di Sekolah Menengah Kebangsaan Rompin Permai dan untuk menganalisis masalah-masalah yang dihadapi oleh murid tingkatan satu dalam menguasai peribahasa. Kajian ini dijalankan menerusi pendekatan kualitatif, iaitu dengan membuat analisis dokumen. Pengkaji juga membina borang soal selidik dan sesi temu bual bagi mendapatkan data tambahan. Borang soal selidik yang digunakan adalah dalam bentuk Google Forms untuk kegunaan responden. Kajian ini melibatkan 45 orang murid tingkatan satu dan seorang guru bahasa Melayu dari SMK Rompin Permai yang dipilih secara rawak. Dapatan kajian dianalisis berdasarkan jenis-jenis peribahasa dan hubung kait menggunakan Teori Relevan. Hasil kajian menunjukkan penggunaan peribahasa yang rendah dalam karangan murid tingkatan satu. Namun, tahap kefahaman murid dalam memberikan makna peribahasa adalah memuaskan. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa ayat yang dibina menggunakan peribahasa mempunyai kesalahan dari segi sintaksis dan tidak gramatis. Sehubungan itu, Teori Relevan yang digunakan dalam analisis terdiri daripada tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Hasil kajian menunjukkan faktor psikologi, persekitaran fizikal, andaian dan pengalaman peribadi menjadi faktor utama oleh murid dalam menanggapi makna-makna peribahasa tersebut. Implikasinya, kajian ini dapat merungkai masalah-masalah yang dihadapi oleh murid dalam menguasai peribahasa di samping memberi peluang kepada guru untuk membuat penambahbaikan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci: Peribahasa; penguasaan; penulisan karangan; masalah

*Corresponding author: abdullah@fbk.upsi.edu.my
https://www.arsvot.org/ All right reserved.

1. Pengenalan

Peribahasa merupakan warisan negara yang dikategorikan sebagai Warisan Budaya Tak Ketara Negara yang mana martabatnya harus dipelihara setaraf dengan kedudukan pantun, syair, gurindam, teromba dan warisan-warisan lain masyarakat Malaysia. Warisan Tidak Ketara ini bermaksud warisan yang tidak nyata, iaitu ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, bahasa dan persuratan. Sememangnya kerajaan dan pihak NGO telah merancang dan menjalankan pelbagai usaha untuk mempromosi dan mengekalkan kelangsungan warisan negara ini, tetapi semua usaha ini haruslah berakar tunjang di bangku sekolah lagi (Hassan, 2016). Perkara ini mendatangkan kebimbangan kerana tidak mustahil suatu masa nanti warisan ini akan hilang lenyap begitu sahaja dalam jiwa anak negara. Hamzah & Hassan (2011) berpendapat, aspek peribahasa harus dianggap sama pentingnya dengan aspek-aspek lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini adalah kerana peribahasa hidup dan berkembang bersama-sama bahasa berkenaan secara keseluruhannya. Kini masyarakat umum kurang memberi perhatian terhadap peribahasa walhal peribahasa merupakan kata-kata bijaksana yang mengandungi pengajaran dan teladan bagi diri dan kehidupan bermasyarakat (Kasdan & Nopiah, 2021).

Tambahan pula, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan topik peribahasa sebagai salah satu daripada silibus buku teks bagi pembelajaran murid di sekolah khususnya di peringkat sekolah menengah. Topik peribahasa diletakkan dalam silibus buku teks semua tingkatan yang memperjelaskan lagi kepentingannya dalam sistem pendidikan. Pengajaran peribahasa ini dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu yang tergolong dalam penerapan kemahiran aspek bahasa. Hal ini dapat dinilai apabila peribahasa sejak sekian lama telah menjadi suatu indikator yang penting dalam sebuah penulisan karangan yang mantap. Semua guru khususnya guru bagi mata pelajaran bahasa Melayu sudah sedia maklum tentang keperluan penggunaan peribahasa dalam penulisan karangan yang boleh menyumbangkan markah (Wulandesember, 2024). Namun, sebahagian besar murid pada masa ini kurang menumpukan minat dan perhatian terhadap penggunaan peribahasa malahan turut memperoleh hanya sedikit pengetahuan berkaitan peribahasa. Isu penguasaan peribahasa dalam kalangan murid ini sememangnya telah menjadi isu sejak dari pelaksanaan kajian oleh penyelidik awal. Peribahasa dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah merupakan suatu inisiatif yang dilakukan dalam memartabatkan kedudukan dan penggunaan peribahasa Melayu melalui sistem pendidikan terhadap generasi muda. Matlamat akhir pengajaran peribahasa ialah supaya pengajaran, pembelajaran serta penghayatan peribahasa bukan sahaja bertujuan untuk kefahaman tetapi harus dapat mencapai tahap kemahiran berbahasa di kalangan murid (Awang et al., 2021). Keberkesanan kemahiran berbahasa ini dapat dilihat daripada kemampuan mereka untuk menghasilkan gaya penggunaannya yang berkualiti. Hal ini dapat dilihat dalam konteks aktiviti penulisan kerana sesebuah hasil penulisan akan menjadi lebih indah dan bermutu jika disulami dengan peribahasa di dalamnya (Amin & Rahman, 2016).

Peribahasa seharusnya diberikan perhatian sewajarnya dalam aktiviti penulisan dan lisan. Generasi muda kini harus didorong untuk menikmati dan menggunakannya secara meluas dalam situasi tulisan dan lisan sama ada secara formal dan tidak formal. Mereka dipercayai mempunyai tanggapan bahawa peribahasa adalah suatu bahasa klise yang sering digunakan dan dihafal oleh golongan tua sahaja serta tidak sesuai lagi dengan zaman kini (Baharum & Hamzah, 2017). Selain itu, pengajaran peribahasa Melayu di sekolah dikatakan kurang berkesan terhadap murid. Menurut Subri et al. (2021) pengajaran peribahasa di sekolah cenderung berpusat kepada guru iaitu guru memberikan penjelasan tentang maksud peribahasa yang hendak diajarkan dan murid hanya terlibat secara pasif sebagai penerima maklumat. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, murid tidak melibatkan diri secara aktif untuk berfikir dengan mendalam tentang penyampaian maksud peribahasa melalui analogi yang digunakan untuk menilai sejauh mana ketepatan ataupun kesesuaian peribahasa itu dalam konteks penggunaannya.

Satu bentuk motivasi harus dipupuk dan dimantapkan supaya wujud kesedaran serta keyakinan bahawa peribahasa adalah sebagai satu keindahan bahasa. Namun, dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa sebilangan besar murid sekolah kurang memberi perhatian dan minat mereka terhadap penguasaan peribahasa (Hong et al., 2021). Kajian-kajian tersebut kebanyakannya dilakukan terhadap murid menengah atas yang sememangnya peribahasa diberi penekanan sebagai suatu perkara yang perlu dikuasai dalam pembelajaran bahasa Melayu dan penting untuk peperiksaan. Lazimnya, murid yang berada di tahap menengah rendah seperti tingkatan satu kurang diberi penekanan dalam menggunakan peribahasa dalam penulisan karangan. Hal ini dikatakan demikian kerana murid Tingkatan 1 tidak diberi penekanan secara serius untuk menggunakan peribahasa dalam karangan seperti yang dilakukan kepada pelajar kelas peperiksaan. Oleh yang demikian, pengkaji terdorong untuk melakukan satu kajian bagi menganalisis tahap penguasaan penggunaan peribahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu murid tingkatan satu di sebuah sekolah menengah dan mengenal pasti dengan lebih jelas tentang masalah yang dihadapi oleh murid terhadap penguasaan peribahasa yang sekali gus membawa kepada kurangnya pengaplikasian peribahasa dalam penulisan karangan. Kajian ini dijalankan berdasarkan penilaian terhadap beberapa aspek penting yang menjadi latar belakang kajian ini. Keperluan kajian dijalankan adalah berdasarkan kepada Warisan Budaya Tidak Ketara Negara yang turut memberi fokus pada kelestarian pemeliharaan warisan negara dalam peringkat bahasa dan sastera. Kajian ini juga mengambil kira keperluan aspek pemarkahan penulisan karangan dan penetapan silibus buku teks oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk: 1) Mengenal pasti penggunaan peribahasa mengikut jenis-jenisnya dalam karangan bahasa Melayu murid Tingkatan 1 di SMK Rompin Permai; 2) Menganalisis masalah yang dihadapi oleh murid Tingkatan 1 dalam menguasai peribahasa.

2. Tinjauan Literatur

Kajian tentang peribahasa di sekolah telah banyak dijalankan oleh kajian lepas yang bertujuan melihat tahap penguasaan murid dan pengaplikasian peribahasa dalam karangan bahasa Melayu. Terdapat beberapa kajian daripada penyelidik lepas yang mengkaji tentang tahap penguasaan peribahasa dalam kalangan murid sekolah. Berdasarkan tinjauan kajian lepas, dapatan kajian mendapati murid mempunyai tahap penguasaan penggunaan peribahasa yang rendah dalam subjek bahasa Melayu. Perkara ini dibuktikan oleh Khamis & Husna Faredza (2003) yang mendapati penguasaan peribahasa murid berada pada tahap kurang memuaskan. Kajian tersebut adalah bertujuan bagi melihat kebolehan pelajar meletakkan peribahasa melayu dalam penggunaan ayat yang betul yang dijalankan dalam kalangan murid Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Kem Terendak.

Kajian yang dijalankan oleh Alias (2006) dengan membuat satu tinjauan menggunakan dua alat bagi mendapatkan data iaitu melalui borang soal selidik dan 24 soalan peribahasa berbentuk struktur. Daripada analisis data, pandangan pelajar terhadap peribahasa memperlihatkan sebilangan tanggapan negatif terhadap peribahasa yang sekaligus membawa masalah dalam menguasai peribahasa. Terdapat beberapa kajian lepas lain yang dijalankan bagi menilai tahap keberkesanan penguasaan peribahasa melalui perlaksanaan program. Kajian oleh Juki dan Salleh (2017) dijalankan dalam kalangan murid sekolah kebangsaan bagi menganalisis penggunaan peribahasa dan melaksanakan program bagi meningkatkan penguasaan peribahasa. Dua program iaitu "Program Sehari Satu Peribahasa" dan "Warnai Gayaku" telah membantu peningkatan penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar dalam penulisan karangan.

Satu kajian lain turut dijalankan yang bertajuk Penginterprestasian Peribahasa dan Hubungannya dengan Kemahiran Berfikir: Analisis berdasarkan Teori Relevan oleh Hassan (2016) dalam mencungkil kemampuan pelajar pendidikan guru. Dapatan kajian menunjukkan input yang sangat signifikan kerana ramai pelajar tidak memahami maksud implisit yang didukung oleh peribahasa. Secara amnya, dapatan kajian membekalkan maklumat penting yang dikutip daripada hasil tinjauan dan analisis dokumen pelajar. Oleh itu, peribahasa seharusnya diberi perhatian sewajarnya dalam pendidikan bahasa melayu agar dapat mencapai keterampilan berbahasa.

Kajian ini turut merujuk kepada beberapa isu yang berbangkit berkaitan dengan aspek kajian. Isu peribahasa ini telah banyak dikemukakan dalam pelbagai sumber. Antaranya isu yang berkaitan boleh didapati pada jurnal, media cetak dan sebagainya. Menurut Jalaluddin & Kasdan (2010) dalam kajiannya tentang isu penutur bahasa Melayu. Kajian tersebut mendapati bahawa banyak pelajar yang jarang menggunakan peribahasa dalam ungkapan sehari-hari mereka, bahkan ada kalanya tidak memahami maksud yang didukung oleh peribahasa tersebut. Menurut Goh Suzie (1998), aspek peribahasa semakin kurang dititikberatkan walaupun peribahasa merupakan salah satu elemen penting dalam kemahiran berbahasa.

Menurut Jaafar et al. (2022), peribahasa Melayu seharusnya diajarkan kepada murid-murid di sekolah supaya mereka dapat menikmati dan menghayati keindahannya, malah menggunakannya untuk melahirkan fikiran dan perasaan dengan tepat dan halus kerana peribahasa Melayu adalah elemen yang penting dalam kemahiran berbahasa. Namun begitu aspek peribahasa semakin kurang dititikberatkan. Remaja masa kini lebih selesa dengan bahasa yang dianggap moden yang tidak menggambarkan bahasa klasik dan unsur sastera lama. Namun kini, walaupun pengajaran peribahasa sudah diajarkan dalam pengajaran bahasa Melayu, namun masih tetap kurang mendapat perhatian dan menarik minat murid-murid.

Kajian ini didasari oleh teori relevan yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson (2015). Matlamat teori ini adalah untuk menjelaskan ciri proses mental yang terlibat dalam penginterpretasian ujaran atau pun maklumat. Berdasarkan hal tersebut, pengkaji akan menilai karangan pelajar dengan melihat kesesuaian penggunaan peribahasa dalam ayat penulisan karangan melalui makna peribahasa dan mengikut konteks yang betul. Teori relevan menekankan kepada kerelevanan sesuatu ujaran. Dalam konteks ini, teori ini memberi penekanan kepada penutur dan pendengar yakni kedua-dua mereka mestilah saling memahami bentuk ujaran antara satu sama lain semasa berkomunikasi (Jumingan, 2002).

Menurut Sperber dan Wilson (2006), dalam konteks berkomunikasi, terdapat dua perkara yang perlu diberi tumpuan agar komunikasi yang dilahirkan benar-benar berkesan di antara penutur dan pendengar. Pertama ialah ujaran yang mempunyai ciri kejelasan atau bermanifestasi dan persekitaran kognitif. Ujaran yang bermanifestasi bermaksud bahawa sesuatu ujaran itu mestilah jelas dan nyata agar mudah dikesan, dan difahami oleh pendengar. Aspek kedua ialah persekitaran kognitif yang merujuk kepada set-set fakta yang dibekal kepada individu yang terlibat semasa perbualan. Bagi pihak penutur, mereka akan membekalkan set-set fakta kepada pendengar untuk diproses dan kesan atau natijahnya bagi pihak pendengar ialah dapat mengubah persekitaran kognitif mereka untuk menerima kesan dan kesimpulan daripada ujaran penutur. Dalam suatu komunikasi verbal (sama ada lisan atau bertulis), penutur dapat menyampaikan makna yang pelbagai dan meluas dan pendengar pula dapat memahami hajat maklumat yang disampaikan penutur kerana ujaran yang disampaikan penutur mengekodkan bentuk logik. Bentuk logik ini kemudiannya dapat dipilih dan dimanifestasikan oleh pendengar sebagai input dalam proses pemahamannya (Sperber & Wilson, 2022). Walau bagaimanapun, adakalanya bentuk logik yang didekodkan secara eksplisit tidak dapat difahami ujarannya kerana maknanya yang tersirat di sebalik bentuk yang dikodkannya. Dengan kata lain, walaupun bentuk logik merupakan petunjuk yang jelas bagi hajat penutur, namun adakalanya kandungan ujaran yang disampaikan secara eksplisit kabur, taksa dan tidak mempunyai makna rujukan. Maka, kajian ini dijalankan untuk melihat kerelevanan dan logik penggunaan sesuatu peribahasa dalam ayat karangan.

Komunikasi kebiasaannya merupakan perhubungan dua hala yang melibatkan penutur dan pendengar. Walau bagaimanapun, komunikasi tidak sahaja berbentuk perbualan antara pihak pendengar dan penutur. Komunikasi boleh sahaja berbentuk perhubungan objek dengan manusia contohnya televisyen dengan penonton, surat khabar dengan pembaca dan buku dengan pembaca (Prasetyo & Anwar, 2021). Berdasarkan hakikat ini, sesuatu komunikasi sebenarnya melibatkan kesemua pihak yang terlibat dalam proses memberi dan menerima maklumat. Bagi pihak penutur, televisyen, surat khabar, buku dan sebagainya haruslah memastikan maklumat yang relevan dengan tumpuan yang telah diberikan oleh pihak pendengar, penonton dan pembaca.

3. Metodologi

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Bahagian ini mengandungi dua pusingan, iaitu kutipan data secara penganalisisan dokumen dengan menggunakan kertas jawapan peperiksaan murid tingkatan satu yang dikhususkan kepada bahagian penulisan karangan. Kemudian pada pusingan kedua, pengkaji menjalankan kaedah borang soal selidik dan temu bual. Temu bual yang dijalankan adalah temu bual berstruktur dan separa struktur melalui kaedah panggilan video atau telefon bersama informan, iaitu guru. Data pencapaian komunikasi sebelum dan selepas akan ditadbir dan dianalisis oleh pengkaji.

Pemilihan sampel kajian untuk kutipan data bagi instrumen temu bual dan analisis dokumen dibahagikan kepada beberapa peringkat. Pertama, responden kajian terdiri daripada responden K1 yang diambil berdasarkan 45 dokumen kertas peperiksaan bahasa Melayu yang dijawab oleh murid tingkatan satu daripada tiga buah kelas. Kedua adalah instrumen borang soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A (demografi responden), bahagian B bagi mendapatkan data untuk objektif pertama dan bahagian C untuk mencapai objektif kedua yang dijawab oleh responden K2. Ketiga adalah instrumen temu bual di mana seorang guru Bahasa Melayu berperanan menjadi responden K3 bagi menjawab soalan-soalan berkaitan sama ada berstruktur atau separa struktur. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah analisis dokumen dan temu bual ke atas responden kajian yang terdiri daripada murid tingkatan satu di sebuah sekolah daerah Rompin dan guru Bahasa Melayu. Terdapat beberapa instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini antaranya adalah dokumen rasmi (kertas peperiksaan bahasa Melayu tingkatan satu), borang soal selidik dan soalan temu bual (responden guru bahasa Melayu). Prosedur penganalisisan data melibatkan analisis kutipan data dokumen bagi membuktikan penguasaan penggunaan peribahasa dalam karangan, analisis data daripada borang soal selidik dan analisis data temu bual bagi mengenal pasti masalah murid dalam menguasai peribahasa.

Proses menganalisis data kualitatif merupakan proses yang kompleks yang merangkumi cantuman daripada pelbagai sumber data, pengkelasan data atau tema yang sesuai, dan mengintepretasikan data yang diperoleh (Lebar, 2014). Menurut Strauss & Corbin (2003), analisis data bukan setakat mengekod dan membentuk tema-tema untuk data yang diproleh, malah turut melibatkan interaksi dengan data (analisis) dengan menggunakan teknik seperti bertanya soalan, membuat perbandingan terhadap data yang dikumpul dan kaedah lain untuk membentuk konsep berdasarkan data yang dikumpul. Dalam kajian ini, prosedur penganalisisan data melibatkan analisis kutipan data dokumen bagi membuktikan penguasaan penggunaan peribahasa dalam karangan, analisis data daripada borang soal selidik dan analisis data temu bual bagi mengenal pasti masalah murid dalam menguasai peribahasa. Pertama, pengumpulan data diambil melalui penganalisisan dokumen. Seterusnya, kutipan data daripada borang soal selidik dan hasil kaedah temu bual guru yang dirakam dan ditranskripsikan ke dalam bentuk verbatim dilakukan setelah menemu bual responden. Semua data yang diperoleh daripada sumber-sumber ini dianalisis, dirumus dan dibuat perbandingan bagi menjawab kedua-dua objektif kajian.

4. Dapatan Kajian

Data objektif 1 telah diperoleh melalui analisis dokumen kertas peperiksaan UPT3/2021 bagi murid Tingkatan 1 Sekolah Menengah Kebangsaan Rompin Permai. Pada bahagian analisis dokumen, objektif 1 akan dihuraikan dengan terperinci manakala soal selidik dijadikan sebagai data sokongan bagi mengukuhkan dapatan. Selain itu, soal selidik juga digunakan bagi mendapatkan data tambahan. Dalam bahagian ini, pengkaji telah menyenaraikan tiga peribahasa daripada jenis perumpamaan, simpulan bahasa dan pepatah pada bahagian B borang soal selidik. Hasil analisis data bagi objektif 1 turut disertakan dengan hubung kait berdasarkan teori Relevan. Data objektif 2 pula diperoleh menerusi borang soal selidik dan temu bual bersama guru bahasa Melayu. Kesemua data telah dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta pai dan carta bar. Data soal selidik dianalisis menggunakan satu perisian khas iaitu *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Kutipan data yang diperoleh oleh pengkaji adalah berdasarkan kajian yang dilaksanakan, iaitu mengenai Penguasaan Penggunaan Peribahasa dalam Karangan Bahasa Melayu Tingkatan 1 di Sekolah Menengah Kebangsaan Rompin Permai.


4.1 Analisis Data Objektif 1

Jadual 1 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan penggunaan peribahasa dalam karangan bahasa Melayu murid Tingkatan 1. Berdasarkan analisis tersebut, hanya 8 daripada 45 dokumen yang dianalisis mempunyai peribahasa dalam karangan. Hal ini menunjukkan bahawa peratusan murid yang menggunakan peribahasa dalam karangan adalah lebih sedikit iaitu hanya sebanyak 18% berbanding murid yang tidak menggunakan peribahasa, iaitu sebanyak 82%. Daripada data ini, dapat dijelaskan bahawa penggunaan peribahasa adalah sangat rendah dalam karangan murid Tingkatan 1.

Jadual 1. Taburan kekerapan dan peratus penggunaan peribahasa dalam karangan

Penggunaan Peribahasa dalam Karangan Murid Tingkatan 1	Kekerapan (f)	Peratus penggunaan (%)
Menggunakan peribahasa dalam karangan	8	18
Tidak menggunakan peribahasa dalam karangan	37	82
Jumlah	45	100

Berdasarkan penganalisisan data berkaitan jumlah penggunaan peribahasa yang terdapat dalam penulisan karangan seperti yang ditunjukkan diatas, pengkaji dapat melihat penggunaan peribahasa melalui jenis-jenisnya. Bagi menghuraikan dengan lebih jelas, pengkaji telah menganalisis data yang diperoleh melalui jumlah penggunaan peribahasa dalam karangan kepada beberapa bahagian. Bahagian-bahagian tersebut mewakili setiap jenis peribahasa yang digunakan dalam penulisan karangan, iaitu perumpamaan, pepatah, bidalan dan simpulan bahasa. Data tersebut memperlihatkan kekerapan dan peratusan penggunaan keseluruhan bagi setiap jenis peribahasa yang dipersembahkan dalam bentuk jadual dan carta bar beserta huraian. Rajah 1 pula menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan penggunaan peribahasa dalam karangan bahasa Melayu murid Tingkatan 1.




Rajah 1. Taburan kekerapan dan peratus penggunaan peribahasa dalam karangan

Jadual 2 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan penggunaan peribahasa berdasarkan klasifikasi jenis-jenisnya. Daripada peratusan penggunaan peribahasa dalam karangan, pengkaji mendapati bahawa terdapat empat jenis peribahasa yang digunakan, iaitu perumpamaan, bidalan, pepatah dan simpulan bahasa. Penggunaan peribahasa jenis bidalan adalah yang paling kerap digunakan, iaitu sebanyak 4 kali bersamaan 6.5% diikuti dengan simpulan bahasa sebanyak 3 kali bersamaan 4.9%. Manakala perumpamaan dan pepatah mempunyai kekerapan penggunaan yang sama, iaitu sebanyak 2 kali bersamaan 3.3%. Keempat-empat jenis peribahasa ini pula mempunyai perbezaan dari segi susunan ayat, panjang dan pendek, maksud dan beberapa ciri lain.

Jadual 2. Taburan kekerapan dan peratus penggunaan peribahasa mengikut jenis-jenisnya

Jenis Peribahasa	Kekerapan (f)	Peratus penggunaan (%)
Perumpamaan	2	3.3
Pepatah	2	3.3
Bidalan	4	6.5
Simpulan bahasa	3	4.9
Jumlah	11	18

Rajah 2 pula menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan penggunaan peribahasa berdasarkan klasifikasi jenis-jenisnya.



Rajah 2. Taburan kekerapan dan peratus penggunaan peribahasa mengikut jenis-jenisnya

Berdasarkan data, terdapat murid yang berjaya mentafsir makna peribahasa ini sebagai ‘tolong menolong antara satu sama lain’ melalui pembinaan ayat ‘Kejiranan penduduk kampung amat rapat dan saling membantu antara satu sama lain seperti peribahasa bagai aur dengan tebing’ (Ayat 1), ‘Penduduk Kampung Bahagia bagai aur dengan tebing dalam menyelesaikan apa jua masalah yang melanda kampung itu’ (Ayat 2), ‘Penduduk kampung suka menolong antara satu sama lain seperti peribahasa bagai aur dengan tebing’ (Ayat 3) dan ‘Farah dan Mimie bagai aur dengan tebing kerana mereka saling membantu satu sama lain’ (Ayat 4). Keadaan ini jelas menunjukkan murid faham maksud peribahasa ini. Berdasarkan teori relevans, semakin tinggi kesan konteks yang diperoleh, maka semakin kurang usaha memproses maklumat yang diperlukan. Maka semakin relevanlah ujaran tersebut. Berdasarkan teori ini, murid memahami dengan jelas maksud peribahasa ‘bagai aur dengan tebing’. Dalam erti kata lain, kesan konteks bagi pemahaman murid terhadap peribahasa ini adalah tinggi. Keadaan ini menyebabkan kurang usaha memproses maklumat kerana murid tahu makna peribahasa tersebut sebagai salah satu sikap tolong menolong antara satu sama lain melalui perumpamaan aur dan tebing. Rajah 3 menunjukkan graf kefahaman murid terhadap peribahasa “Bagai Aur dengan Tebing.”




Rajah 3. Kefahaman murid terhadap peribahasa ‘Bagai Aur Dengan Tebing’

Seterusnya, terdapat murid yang mentafsir makna peribahasa ini sebagai ‘bekerjasama’ dengan contohnya ‘Penduduk kampung Desa Permai mengamalkan sikap saling bekerjasama dalam melakukan semua hal, mereka sering diibaratkan bagai aur dengan tebing’ (ayat 5). Selain itu, peribahasa ini turut diberi makna sebagai ‘orang yang hidup bermuafakat’ melalui contoh ayat ‘Masyarakat di kampung itu hidup bermuafakat bagai aur dengan tebing dalam segala hal’ (ayat 11). Kata bermuafakat bermaksud perkara yang dilakukan secara persetujuan semua pihak yang akan mendatangkan kebaikan. Keadaan ini sejajar dengan konteks, seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Kesan konteks yang merupakan salah satu gagasan dalam teori relevans pula merupakan andaian awal tentang maklumat yang relevan dengan diri khalayak. Berdasarkan teori tersebut, pemahaman terhadap sesuatu perkara akan menjadi lebih relevan jika mempunyai lebih banyak kesan konteks. Khalayak akan menggabung

atau menggugurkan konteks yang ingin dikaitkan dengan suatu andaian. Oleh sebab keadaan responden yang tinggal di kawasan perkampungan yang terdedah kepada alam dan kehidupan bermasyarakat, maka kesan konteks adalah tinggi dan pemahaman terhadap peribahasa adalah baik.


Berdasarkan Rajah 4, didapati bahawa responden dapat mencipta andaian yang tepat tentang maksud peribahasa ini apabila responden dapat menanggapi makna simpulan bahasa ini, iaitu suka bercakap, seseorang yang banyak cakap dan peramah. Hal ini dapat dilihat melalui contoh ayat 'Izati seorang gadis yang ringan mulut dan berbudi bahasa, sebab itulah dia disenangi oleh rakan-rakannya' (ayat 1), 'Di kelas, Amir seorang murid yang ringan mulut serta pandai berkata kata' (ayat 7), dan (ayat 10) 'Makcik Rokiah sangat ringan mulut ketika bertemu orang asing'. Bagi ayat 12 iaitu 'Sikap Farah yang ringan mulut agak tidak disenangi oleh kawan-kawannya dan ayat 14 'Atan dan Ahmad sangat ringan mulut walaupun cikgu menyuruh mereka senyap'menunjukkan kesan negatif ringan mulut. Melalui ayat tersebut, murid ingin menggambarkan sikap ringan mulut yang terlampau juga boleh membuatkan orang sekeliling tidak senang hati. Pada dasarnya, murid memahami makna peribahasa ini sebagai seseorang yang suka bercakap.



Rajah 4. Kefahaman Murid Terhadap Peribahasa 'Ringan Mulut'

Dalam teori Relevans, proses membuat andaian dapat dikaitkan dengan gagasan konteks dalam teori relevans yang juga merupakan seberkas andaian atau kemungkinan idea yang wujud dalam situasi mental, atau diperoleh daripada persekitaran sebenar (Samaon & Subet, 2020). Dari segi binaan struktur ayat dalam peribahasa 'ringan mulut' itu sendiri, murid dengan mudah dapat menanggapi makna peribahasa ini sebagai suatu perbuatan yang dilakukan oleh salah satu anggota badan manusia kerana dari segi analoginya, murid dapat memahami dengan mudah bahawa apabila mulut disebut sebagai ringan atau tidak berat maka akan semakin mudah digunakan yakni membolehkan seseorang mudah bercakap. Apabila keadaan ini berlaku, maka relevanslah makna peribahasa 'ringan mulut' yang ditanggapi oleh murid-murid tersebut. Selain itu, terdapat juga murid yang memberikan tafsiran yang kurang tepat untuk menggambarkan makna peribahasa ini, iaitu kuat memuji. Murid tersebut berpendapat bahawa peribahasa 'ringan mulut' ini seperti seseorang yang kerap memberikan pujian atau bermanis mulut. Dalam erti kata lain, murid mungkin beranggapan bahawa ringan mulut dan bersikap manis mulut membawa makna yang sama berdasarkan konteks andaian yang ditanggapinya. Walaubagaimanpun, secara keseluruhan murid dapat memahami makna peribahasa ini dan menggunakannya dalam ayat dengan betul.

Berdasarkan Rajah 5, makna yang diberikan oleh setiap responden adalah hampir sama yang menjurus kepada makna sebenar peribahasa 'sediakan payung sebelum hujan'. Menurut Sulaiman et al. (2012), sesuatu maklumat itu perlu kaya dengan kesan konteks agar interprestasi makna tidak terganggu. Hal ini adalah bagi memastikan sesuatu maklumat itu relevan. Dalam teori relevans, konteks dirujuk dengan cara merujuk apa-apa sahaja yang berlaku di sekitar manusia (Nasir & Subet, 2018). Oleh itu, secara psikologinya, murid mengaitkan analogi bagi sediakan payung sebagai perbuatan berjaga-jaga dan membuat persediaan. Berdasarkan pemahaman tersebut, maka murid secara tidak langsung dapat mengaitkan makna peribahasa tersebut dengan perbuatan berwaspada sebelum ditimpa musibah tanpa mengandaikan makna-makna lain yang menyimpang dari maksud sebenar. Daripada data, majoriti murid dapat memberi jawapan yang berhubung kait dengan makna peribahasa sekali gus menunjukkan tahap pemahaman murid terhadap peribahasa ini adalah sangat tinggi.



Rajah 5. Kefahaman Murid Terhadap Peribahasa 'Sediakan Payung Sebelum Hujan'

Sehubungan dengan itu, dalam teori Relevans, pendengar perlu memastikan usaha memproses maklumat rendah tetapi kesan kognitif adalah tinggi untuk menghasilkan interpretasi yang selaras dengan hasrat penutur. Andaian-andaian yang relevan dan konsep-konsep lain yang mampu membekalkan maklumat untuk peluasan ungkapan juga akan sentiasa dicari. Dalam erti kata lain, murid akan berusaha mencipta andaian-andaian yang berkaitan dengan peribahasa tersebut. Berdasarkan ayat-ayat yang dibina, dapat dirumuskan bahawa murid faham akan makna peribahasa tersebut, iaitu sikap berwaspada yang perlu diambil sebelum ditimpa kesusahan. Menurut Jalaluddin & Kasdan (2010), pernyataan-pernyataan pada peribahasa hanya membekalkan maklumat yang logik sahaja. Justeru itu, pada peringkat inilah peranan pragmatik dengan ilmu kognitif, serta pembentukan psikologi untuk mentafsirkan makna akan dijana. Jelaslah bahawa murid dapat mentafsir makna peribahasa kerana murid mempunyai konteks yang mencukupi untuk mentafsir makna peribahasa yang dikemukakan.

4.2 Analisis Data Objektif 2

Hasil analisis menunjukkan skala tidak pasti bagi item masalah kurang membaca merupakan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 20 responden memilih skala tersebut bersamaan 44%. Bagi skala setuju pula, jumlah peratusan adalah sebanyak 38% yang mewakili kekerapan sebanyak 17 kali dan hal ini menjadikan skala tidak setuju adalah yang paling rendah dengan peratusan sebanyak 18%. Justeru itu, dapat dilihat bahawa masalah kurang membaca berkemungkinan merupakan salah satu masalah utama dalam menguasai peribahasa. Aktiviti pembacaan adalah penting dalam menambah ilmu pengetahuan dan mengukuhkan sesuatu ilmu yang dipelajari. Hal ini dikatakan demikian kerana penerokaan yang meluas terhadap sesuatu perkara akan menjadikan seseorang lebih pakar dan berilmu dan salah satu caranya adalah melalui pembacaan.

Bagi item soalan 2, masalah yang dikemukakan adalah berkaitan kesukaran dalam memahami makna tersirat sesuatu peribahasa. Jumlah peratusan bagi skala tidak pasti adalah 45% yang mewakili hampir separuh daripada jumlah responden. Kebanyakan daripada mereka memilih skala tidak pasti mungkin disebabkan faktor jawapan yang tidak menyebelahi pihak setuju atau tidak setuju selain tidak mengetahui masalah yang dihadapi oleh diri sendiri. Namun, perbezaan skala bagi setuju dan tidak setuju adalah ketara iaitu masing-masing menunjukkan peratusan 42% dan 13%. Berdasarkan perbezaan ini, jumlah responden yang bersetuju dengan masalah kesukaran memahami makna adalah tinggi. Makna tersirat setiap peribahasa boleh difahami dengan mudah jika murid berjaya membuat andaian-andaian dengan baik selain mempunyai pengetahuan sedia ada. Pemahaman setiap perkataan dalam peribahasa sangat membantu dalam proses menguasainya.

Item bagi soalan 3 adalah mengenai masalah ketiadaan bahan rujukan bagi menguasai peribahasa. Skala yang mencatat jumlah kekerapan dan peratusan paling banyak adalah skala tidak setuju, iaitu sebanyak 69% bersamaan 31 berbanding skala tidak pasti dan skala setuju. Bagi skala tidak pasti, jumlah peratusan adalah sebanyak 24% bersamaan 11 manakala skala setuju adalah hanya sebanyak 7%. Daripada data yang diperoleh menunjukkan kebanyakan murid mempunyai bahan rujukan bagi merujuk berkaitan peribahasa. Bahan rujukan tersebut termasuklah daripada bahan cetak seperti buku, lembaran nota dan modul mahupun bahan yang boleh didapati daripada internet ataupon bahan elektronik yang lain. Murid perlu memilih rujukan yang bersesuaian dan mudah untuk difahami bagi membolehkan penguasaan yang baik dalam penggunaan peribahasa. Oleh itu, jelaslah bahawa masalah ini bukanlah masalah yang utama bagi murid Tingkatan 1 dalam menguasai peribahasa.


Peratusan kekerapan bagi item soalan 3 menunjukkan skala tertinggi adalah pada skala tidak setuju, iaitu sebanyak 60% bersamaan 27 daripada 45 orang responden. Kemudian diikuti pula dengan jumlah peratusan bagi skala tidak pasti, iaitu sebanyak 29% manakala 11% lagi adalah pada skala setuju. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden

menidakkan pernyataan masalah berkaitan kurangnya pendedahan penggunaan peribahasa dalam karangan. Daripada hal itu, dapat dirumuskan bahawa murid sememangnya didedahkan dengan peribahasa dan peri pentingnya dalam penulisan karangan oleh guru subjek bahasa Melayu. Namun demikian, pendedahan tersebut mungkin tidak diambil serius oleh murid-murid dan tidak diberikan penekanan secara bersungguh oleh para guru dalam mempraktikkan penggunaan peribahasa dalam penulisan karangan sejak dari tahap menengah rendah.

Item bagi soalan 5 adalah mengenai masalah kefahaman semasa guru mengajar topik peribahasa. Hasil analisis data menunjukkan skala tidak setuju merupakan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 47% bersamaan 21 kali yang hanya melebihi 4 daripada jumlah bagi skala setuju, iaitu sebanyak 38%. Bagi skala tidak pasti pula, jumlah peratusan adalah sebanyak 15%. Justeru itu, dapat dilihat bahawa terdapat murid yang mempunyai masalah dalam memahami topik peribahasa ini semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Isu kefahaman ini boleh terjadi disebabkan pelbagai faktor dan antaranya adalah disebabkan oleh kaedah pengajaran guru itu sendiri. Terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang sesuai bagi topik ini seperti kaedah pisah dan cantum (PISATUM) serta kaedah lain yang boleh membantu memberi kefahaman kepada murid. Selain itu, gaya pembelajaran murid yang tidak sesuai juga boleh menjadi salah satu faktor timbulnya masalah dalam memahami peribahasa yang diajarkan oleh guru (Nasir, 2017).

Jumlah peratusan bagi ketiga-tiga skala bagi item soalan 6 menunjukkan perbezaan yang ketara terutama bagi skala tidak setuju. Skala tidak setuju memperoleh 76% yakni peratusan yang tertinggi bagi item soalan 6. Manakala skala setuju hanya sebanyak 15% dan diikuti skala tidak pasti sebanyak 9%. Hal ini menunjukkan bahawa ramai daripada kalangan responden tidak bersetuju atau tidak mengalami masalah untuk bertanya guru apabila tidak memahami sesuatu peribahasa itu. Daripada perkara itu, jelaslah bahawa murid-murid rajin dan tidak malu untuk bertanya guru mengenai peribahasa jika terdapat kekeliruan atau sukar untuk memahaminya. Sikap suka bertanya ini penting dalam memastikan kebolehfahaman yang tinggi dalam kalangan murid berbanding jika murid hanya mendiamkan diri apabila kurang faham dan sebagainya. Guru perlu memberikan penjelasan yang lebih terperinci apabila terdapat murid yang agak lemah dan sukar memahami peribahasa berikutan makna-maknanya yang tersirat.

Jumlah peratusan item soalan 7 bagi skala tidak setuju adalah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 76%. Seterusnya, bagi skala tidak pasti pula adalah sebanyak 15% diikuti dengan skala setuju dengan peratusan hanya sebanyak 9%. Item soalan 7 ini adalah mengenai masalah minat murid bagi mempelajari peribahasa dan daripada hasil dapatan menunjukkan rata-rata pelajar mempunyai minat untuk mempelajarinya. Hanya segelintir murid sahaja yang kurang berminat yang mewakili skala setuju. Hal ini disebabkan murid beranggapan bahawa peribahasa adalah suatu topik yang sukar difahami dan memerlukan ingatan yang kuat dalam mengingati maknanya sedangkan peribahasa adalah suatu topik yang memerlukan murid untuk memahaminya melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang betul. Walaupun begitu, masih ramai murid yang menyedari akan keseronokan mempelajari peribahasa yang mempunyai keunikannya yang tersendiri. Rajah 6 menunjukkan data kekerapan masalah murid dalam menguasai peribahasa.



Rajah 6. Kekerapan masalah murid dalam menguasai peribahasa

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis data melalui kaedah temu bual bagi mengetahui masalah-masalah murid dalam menguasai peribahasa dan menggunakannya dalam penulisan karangan. Berdasarkan jadual tersebut, pelbagai soalan

diajukan dalam mengenal pasti masalah dan antara yang disebutkan oleh guru bahasa Melayu adalah mengenai masalah murid yang hanya mengharapkan jawapan daripada guru tanpa mengamalkan kemahiran berfikir secara kritis. Keadaan tersebut menyebabkan murid gagal memahami dan menggunakan peribahasa dalam penulisan. Murid juga mengalami masalah dalam memastikan kelancaran pembelajaran kendiri berkaitan topik peribahasa. Kebanyakannya mempunyai bahan rujukan sama ada yang diberikan oleh guru mahupun rujukan daripada Internet dan sebagainya. Namun, murid dilihat kurang membuat pembacaan dan menambah ilmu pengetahuan berkaitan peribahasa. Justeru, masalah-masalah yang dihadapi oleh murid kebanyakannya datang daripada diri sendiri seperti kurang membaca dan kurang menginterpretasikan makna. Walaubagaimanapun, masalah-masalah lain turut berlaku namun hanya dalam bilangan yang kecil.

Jadual 3. Transkripsi temu bual bersama guru bahasa Melayu

Penemubual (Pengkaji)	Informan
Sudah berapa tahun puan menjadi guru di sekolah ini bagi subjek bahasa Melayu?	Saya sudah mengajar di sekolah ini selama lebih daripada 10 tahun.
Jadi, sudah tentu puan mempunyai pengalaman yang banyak dalam mengajar murid Tingkatan 1. Saya ingin bertanya berkaitan topik pengajaran peribahasa. Pada pandangan dan pengalaman puan, apakah masalah yang membuatkan murid-murid Tingkatan 1 tidak menguasai peribahasa dengan baik?	Pada hemat saya, daripada pemerhatian saya terhadap proses pengajaran dan pembelajaran selama ini, murid-murid mempunyai masalah dalam memahami makna-makna tersirat peribahasa. Hal ini mungkin disebabkan murid kurang mencari sendiri atau membuat pemahaman sendiri. Mereka lebih suka menunggu jawapan daripada guru. Selain itu, mereka juga tidak mengambil berat berkaitan penggunaan peribahasa dalam karangan dan hanya sekadar menyiapkan karangan tanpa usaha memasukkan satu peribahasa didalamnya.
Adakah mereka merujuk sebarang bahan untuk memahami peribahasa?	Saya ada memberikan lembaran nota berkaitan peribahasa dan turut meminta murid-murid membuat rujukan dan pembacaan berkaitan peribahasa ini.
Selain itu, bagaimanakah penerimaan mereka setiap kali topik peribahasa diajarkan? Apakah kaedah pengajaran yang digunakan?	Daripada pengalaman saya, setiap murid dilihat memberi fokus setiap kali pengajaran. Saya seringkali menggunakan kaedah seperti menulis peribahasa beserta maknanya sekaligus. Saya pernah meminta murid untuk mencuba memberikan makna berdasarkan pemahaman mereka sendiri dan kebanyakannya memahami dengan baik namun terdapat banyak kesalahan daripada segi sintaksis. Hal ini mungkin menjadi penyebab mereka berasa sukar untuk menggunakan peribahasa dalam binaan ayat karangan.

5. Perbincangan

Berdasarkan hasil dapatan bagi objektif pertama, mengenal pasti penggunaan peribahasa mengikut jenis-jenisnya dalam karangan murid Tingkatan 1, pengkaji berjaya membuat penganalisisan data melalui kaedah analisis dokumen iaitu pada kertas peperiksaan murid Tingkatan 1. Dalam bahagian ini, terdapat pelbagai peribahasa yang digunakan oleh murid dan dibahagikan mengikut jenis-jenisnya. Hal ini adalah bagi memastikan objektif 1 dapat dicapai. Antara jenis peribahasa yang digunakan adalah daripada jenis bidalan, pepatah, perumpamaan dan simpulan bahasa. Namun hanya terdapat lapan daripada 45 sampel kajian yang menggunakan peribahasa dalam karangan dan sekaligus menjadikan peratusan penggunaan dalam karangan adalah terlalu rendah, iaitu hanya sebanyak 18%. Justeru itu, dapat dirumuskan bahawa tahap penguasaan penggunaan peribahasa murid Tingkatan 1 dalam karangan bahasa Melayu adalah pada tahap yang kurang memuaskan. Hal ini memperlihatkan bahawa murid mempunyai kelemahan dalam mempraktikkan penggunaan peribahasa dalam karangan yang mungkin disebabkan oleh kekeliruan dalam menyusun ayat dengan baik.

Selain itu, data yang dikumpul melalui soal selidik juga digunakan bagi melihat penguasaan murid terhadap peribahasa yang menjadi fokus kajian. Daripada soal selidik tersebut, responden membuat kaitan atau hubung kait teori Relevans dengan penghasilan ayat bagi peribahasa-peribahsa yang disenaraikan dalam borang soal selidik. Hasil analisis data yang diperoleh daripada borang soal selidik menunjukkan sebilangan besar murid dapat memberi makna peribahasa dengan baik walaupun terdapat beberapa orang murid yang gagal mentafsir makna peribahasa dengan betul atau menghasilkan ayat yang gramatis bagi menginterpretasi makna peribahasa yang dikemukakan. Kebolehan murid mentafsir makna peribahasa menurut teori Relevan sering dikaitkan dengan psikologi, budaya dan persekitaran fizikal mereka. Keadaan ini sejajar dengan konteks iaitu seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar dan ia tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling hampir. Hal ini bertepatan dengan gagasan yang terdapat dalam teori Relevans bahawa semakin tinggi kesan konteks yang diperoleh, semakin kurang usaha memproses maklumat yang diperlukan maka semakin relevanlah ujaran tersebut.

Bagi merungkai perkara yang menyebabkan kesukaran dalam penguasaan peribahasa ini, objektif kedua dibuat bagi menganalisis masalah-masalah yang mungkin menjadi penyebabnya. Daripada objektif kedua tersebut, hasil dapatan menunjukkan bahawa murid sememangnya mempunyai masalah-masalah tertentu bagi menguasai peribahasa yang perlu dilihat dan dinilai untuk kegunaan masa akan datang. Masalah-masalah ini diambil daripada pembacaan jurnal-jurnal, kajian tindakan dan sebagainya yang menyebut berkaitan masalah murid dalam menguasai peribahasa. Antara masalah utama yang menjadi penghalang kepada penguasaan peribahasa dalam kalangan murid Tingkatan 1 adalah mengenai masalah kurang pembacaan. Kurangnya penekanan terhadap penggunaan peribahasa dalam karangan juga dapat membantutkan usaha bagi membolehkan murid menguasainya (Daud & Subet, 2019). Selain itu, murid juga dilihat kurang memahami makna tersirat peribahasa. Hal ini boleh berlaku disebabkan teknik pengajaran yang kurang sesuai bagi menarik minat murid selain membantu mereka untuk lebih mudah memahami sesuatu peribahasa tersebut.

Melihat dari segi faktor jantina, kajian ini mendapati penguasaan peribahasa Melayu dalam kalangan remaja perempuan lebih baik berbanding remaja lelaki. Kajian ini turut menunjukkan masalah daripada aspek pembacaan adalah yang paling tinggi peratusan berbanding masalah-masalah lain. Murid dilihat mempunyai minat dalam mempelajari topik peribahasa namun tidak mempunyai usaha ke arah mengukuhkan ilmu pengetahuan tersebut. Masalah-masalah murid dalam menguasai peribahasa ini turut dikongsi oleh guru bahasa Melayu melalui hasil temu bual (Wulansari et al., 2022). Hasil analisis menunjukkan data yang hampir serupa dan berhubung kait sama ada masalah daripada segi gaya pembelajaran dan sikap murid itu sendiri serta kaedah pengajaran guru. Penguasaan peribahasa memerlukan murid untuk memahami makna dengan baik dan memerlukan daya fikir yang tinggi. Hal ini bertepatan dengan hasrat kerajaan bagi melahirkan murid yang bukan sahaja bijak dalam menyelesaikan sebarang masalah, malah kreatif dan inovatif.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa tahap penguasaan penggunaan peribahasa murid tingkatan satu dalam karangan bahasa Melayu adalah pada tahap yang kurang memuaskan. Hal ini memperlihatkan bahawa murid mempunyai kelemahan dalam mempraktikkan penggunaan peribahasa dalam karangan. Penguasaan peribahasa memerlukan murid untuk memahami makna dengan baik dan memerlukan daya fikir yang tinggi. Peranan guru sangat penting dalam membantu murid memahami tafsiran peribahasa dengan tepat, sekali gus dapat diaplikasikan oleh murid dalam penulisan karangan mahupun komunikasi seharian. Bukan itu sahaja, murid perlu mempunyai minat yang mendalam terhadap peribahasa yang merupakan salah satu cabang sastera lama yang tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas. Diharapkan kajian ini dapat memberi pemahaman dan kesedaran kepada para guru sebagai fasilitator tentang kepentingan membantu murid menguasai makna peribahasa dengan betul dan cekap agar dapat diaplikasi dalam dengan baik di dalam penulisan karangan.

Pengakuan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan penulis dan organisasi yang harta inteleknya digunakan untuk kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

Alias, Z. Z. M. (2006). *Penguasaan, sikap dan pandangan pelajar tingkatan lima terhadap peribahasa di dua buah sekolah daerah Raub, Pahang* (Doctoral dissertation, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris).

Amin, N. A. M., & Rahman, N. A. A. (2016, October). Peribahasa Melayu dalam pendidikan Bahasa Melayu: Perlukan transformasi peribahasa seiring peredaran zaman. In *International Conference on Education and Regional Development 2016, Indonesia* (Vol. 31).

Awang, A., Ismail, C. Z., & Abu Bakar, R. (2021). Citra dan cabaran peribahasa Melayu dalam melestarikan etos dan peradaban bangsa. *Borneo Akademika*, *5*(2), 110-121.

Baharum, H., & Hamzah, N. (2017). Teks KOMSAS sebagai Sumber Pembelajaran dan Pengajaran Peribahasa Melayu Melalui Pendekatan Kontekstual. In *Proceedings of the International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL)* (pp. 151-165).

Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019). Slanga Dan Simbol Tumbuhan Dalam Komunikasi Lisan Masyarakat Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif: Slang and Plant Symbols In Oral Communication: An Inquisitive Semantic Approach. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, *30*(1), 108-136.

Hamzah, Z. A. Z., & Hassan, A. F. M. (2011). Bahasa Dan Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, *11*(3), 31-51.

Hassan, H. (2016). Penginterpretasian peribahasa dan hubungannya dengan kemahiran berfikir: Analisis berdasarkan teori relevans. *Jurnal Bahasa*, *16*(1), 94-119.

Hassan, A. F. M. (2016). Warisan budaya pemikiran dalam peribahasa Melayu. *Jurnal Peradaban*, *9*(1), 1-10.

Hong, M. T. N., Rusli, N. F. M., Masa, N. S., & Jobar, N. A. (2021). Analisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid berdasarkan teori relevans. *Jurnal Linguistik*, *25*(1), 1-20.

Jaafar, N. A. N., Maspor, N. F. N., Jurit, N. B. M., & Ibrahim, Z. (2022). Meneroka Peribahasa: Aplikasi Permainan dan Pembelajaran Peribahasa Melayu Sekolah Rendah Tahun 1 hingga Tahun 6. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation*, *3*(2), 120-128.

Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2010). Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, *10*(1), 158-172.

Juki, H., & Salleh, C. I. (2017). Kesantunan Pantun Melayu Sarawak. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, *5*(1), 56-100.

Jumingan, M. F. B. (2002). Penterjemahan pragmatik dalam konsep masa Arab-Melayu: Satu analisis teori relevan. *Pertanika Journal of*, 153-164.

Kasdan, J., & Nopiah, J. (2021). Padi dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, *9*(1), 59-72. https://doi.org/10.17576/jatma-2021-0901-06

Khamis, A., & Husna Faredza, M. R. (2003). *Penguasaan Peribahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Kem Terendak Melaka* (Doctoral dissertation, upsi).

Lebar, O. (2014). Qualitative research, introduction to theories and methods (Penyelidikan kualitatif, pengenalan kepada teori dan metod). *Tanjong Malim, Perak: Sultan Idris Education University*.

Nasir, M. R. B. M., & Subet, M. F. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa melayu (Inquisitive semantics analysis in the Malay language proverbs). *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, *16*(2), 227-253. https://doi.org/10.32890/mjli2019.16.2.9

Nasir, M. R. M. (2017, September). Penguasaan peribahasa dan makna menggunakan PISATUM: Satu kajian tindakan. In *Seminar Antarabangsa Pedagogi Kali Ke-8 (PedA8). Anjuran Universiti Malaysia Sarawak pada* (Vol. 19), pp. 1-6.

Prasetyo, M. A. M., & Anwar, K. (2021). Karakteristik Komunikasi Interpersonal serta Relevansinya dengan Kepemimpinan Transformasional. *Jurnal Komunikasi Pendidikan*, *5*(1), 25-39.

Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020). Perwatakan dalam novel komsas "Di Sebalik Dinara": Analisis teori relevan. *Asian People Journal (APJ)*, *3*(1), 84-100. https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.155

Sperber, D., & Wilson, D. (2022). On Grice's theory of conversation. In *Conversation and discourse* (pp. 155-178). Routledge.

Sperber, D., & Wilson, D. (2015). Beyond speaker's meaning. *Croatian Journal of Philosophy*, *15*(44), 117-149.

Sperber, D., & Wilson, D. (2006). Relevance theory. *The handbook of pragmatics*, 606-632. https://doi.org/10.1002/9780470756959

Strauss, A., & Corbin, J. (2003). Penelitian kualitatif. *Yogyakarta: Pustaka Pelajar*, pp. 157-165.

Subri, M. R., Yaakub, R., & Nudin, A. B. (2021). Pelaksanaan Pengajaran Guru Cemerlang dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu ketika Pandemik COVID-19: Satu Kajian Kes: The Implementation of Teaching among Excellent Teachers in Malay Language Subject during COVID-19 Pandemic: A Case Study. *PENDETA*, *12*, 21-32. https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.3.2021

Sulaiman, Z. M., Chien, G. K., Boon, E. S., & Yusuf, A. H. S. M. (2012). Slanga remaja Melayu dan Cina: analisis awal berdasarkan teori relevan. In *International Conference On Arts, Social Sciences, And Technology (ICAST2012)*, pp. 12510-1: 12510-18.

Wulandesember, N. S. (2024). Penguasaan Peribahasa melalui Pembelajaran Menggunakan Teknik Kombinasi dalam Bahan Ajar Khusus. *Jurnal Pembelajaran Bahasa dan Sastra*, *3*(4), 479-488. https://doi.org/10.55909/jpbs.v3i4.611

Wulansari, F., Yuniarti, N., Hariadi, T., Sulastriana, E., Lahir, M., Uli, I., ... & Herlina, H. (2022). Pelatihan dan pendampingan penulisan pantun sebagai upaya pelestarian warisan budaya melayu. *GERVASI: Jurnal Pengabdian kepada Masyarakat*, *6*(2), 281-288. https://doi.org/10.31571/gervasi.v6i2.3196